

Kerajaan bertanggungjawab jelaskan dasar-dasar yang dilakukan

UM 2 JUN 1990

NIBUNG TEBAL 24 Jun — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, bertanggungjawab kerajaan sekarang ini ialah untuk memberi penerangan yang sejelas - jelasnya kepada rakyat mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan dan bukannya sebagai 'ugutan' seperti yang didakwa oleh parti pembangkang.

Katanya, kerajaan bertanggungjawab membanteras segala dakwaan dan tohmah yang disebarikan oleh parti pembangkang demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan politik negara.

Menurut beliau, kerajaan yang ada hari ini — kerajaan Barisan Nasional (BN) — akan terus memerintah dengan adil kerana ia memberikan kebajikan hidup kepada semua lapisan masyarakat dan kaum.

Kebahagiaan dan kemakmuran hidup rakyat yang terdiri dari pelbagai kaum di negara ini adalah hasil kebijaksanaan rakyat sendiri yang terus 'memilih kerajaan, BN untuk terus memerintah setiap kali pilihanraya umum diadakan, katanya ketika berucap dalam satu majlis perjumpaan di balai raya Sungai Bakap di sini, petang ini.

Turut hadir, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Ali, Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim dan isteri, Pemangku Ketua Menteri Pulau Pinang, Dato' Khoo Kay Poan, Ahli Parlimen Nibung Tebal, Dr. Goh Cheng Teik, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan lebih 1,500 orang penduduk.

Beliau mengingatkan seluruh rakyat supaya menolak janji-janji manis parti pembangkang kerana mereka akan lakukan apa sahaja untuk kepentingan politik mereka termasuk untuk memenangi dalam pilihanraya umum akan datang.

"Sebenarnya parti pembangkang tidak mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk faedah rakyat, yang penting bagi parti itu ialah untuk memenangi dalam pilihanraya umum, itu sahaja."

Beliau kemudian mengajak seluruh rakyat terus memberi sokongan padu kepada kerajaan yang ada supaya ia mempunyai suatu kekuatan dan melalui kekuatan itu kerajaan akan mengambil tindakan bukan sahaja kepada musuh tetapi kepada penyokong kita sendiri sekiranya mereka membuat salah, ujarnya.

Perdana Menteri kemudian menarik perhatian, salah satu usaha bagi menjamin kestabilan politik negara ialah dengan menyelesaikan pelbagai masalah yang timbul di kalangan pelbagai kaum melalui musyawarah dan bermuafakat antara satu sama lain dan bukan mengambil tindakan yang merugikan.

"Bermuafakat dan bermusyawarah adalah cara kerajaan BN memerintah negara ini dan 'dengan sebab itulah penduduk di negara ini yang terdiri di kalangan pelbagai kaum hidup aman damai dan harmoni dan ia perlu dkekalkan," katanya.